

27 DEC 2002

Agong-Solat

YANG DIPERTUAN AGONG SOLAT JUMAAT DI MASJID AL-ADZIM

MELAKA, 27 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalulail hari ini menunaikan solat Jumaat bersama kira-kira 5,000 umat Islam di Masjid Al-Adzim, Bukit Palah.

Seri Paduka diiringi oleh Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Jahaya Mat dan Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Amid Nordin.

Selepas solat Jumaat, orang ramai mengambil kesempatan bersalam dengan Seri Paduka yang melakukan lawatan rasmi ke Melaka bagi kali pertama sejak dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid tiba di Melaka pukul 11.30 pagi ini.

Petang ini, Seri Paduka berdua berangkat ke perasmian pertandingan badminton Piala Sultan-sultan di Dewan Bestari, Air Keroh manakala pada malam ini akan menghadiri majlis Jamuan Negeri di Seri Negeri, Air Keroh.

Esok, Yang di-Pertuan Agong akan menyertai pertandingan golf di Air Keroh Country Resort.

Raja Permaisuri Agong yang mempunyai acara berasingan, akan melawat Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Bandar Hilir dan melawat Muzium Baba dan Nyonya.

Pada sebelah malam esok, Seri Paduka berdua akan berangkat ke majlis Rumah Terbuka Kebangsaan Hari Krismas yang diadakan di Hang Tuah Mall di bandar Melaka.

Yang akan turut hadir pada majlis anjuran kerajaan negeri dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

SBS NMO